

## **TAFSIRAN**

Dalam Kaedah-kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki sebaliknya, perkataan yang terdapat di dalam lajur pertama yang dinyatakan di bawah hendaklah membawa maksud sebagaimana yang bertentangan yang terdapat di dalam lajur kedua.

“Akta”	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
“Perjanjian”	Suatu perjanjian dalam bentuk yang ditetapkan antara Peserta Penjelasan dan Pusat Penjelasan untuk mengawal selia terma dan syarat penyertaan Peserta Penjelasan sedemikian dalam satu atau lebih perkhidmatan atau kemudahan Pusat Penjelasan yang disediakan bagi Peserta Penjelasan sedemikian.
“Peminjam SBLNT yang Diluluskan”	Seseorang yang permohonannya untuk turut serta sebagai peminjam dalam Transaksi Terunding SBL sama ada meminjam untuk diri sendiri atau untuk kliennya, telah diluluskan oleh Pusat Penjelasan.
“Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan”	Seseorang yang permohonannya untuk turut serta sebagai pemberi pinjam dalam Transaksi Terunding SBL, sama ada memberi pinjaman Sekuritinya sendiri atau Sekuriti yang dimiliki oleh kliennya, telah diluluskan oleh Pusat Penjelasan.
“Pembekal yang Diluluskan”	Seseorang yang diluluskan oleh Pusat Penjelasan sebagai pembekal dalam suatu ISSBNT.
“Pengguna yang Diluluskan”	Seseorang yang diluluskan oleh Pusat Penjelasan sebagai pengguna dalam suatu ISSBNT.
“Perkara Persatuan”	Perkara Persatuan Pusat Penjelasan.
“ATS”	Sistem dagangan Sekuriti automatik dan berkomputer yang dibangunkan oleh Bursa.
“Buku”	Maksud yang sama sebagaimana yang diberikan bagi ungkapan itu dalam Akta.
“Catatan Buku”	Berhubung dengan apa-apa transaksi yang dibuat atau dilaksanakan terhadap Sekuriti, pendebitan akaun sekuriti pendeposit penyampaian atau akaun sekuriti pendeposit penjualan dengan bilangan Sekuriti yang dijual dan pengkreditan akaun sekuriti pendeposit penerimaan atau akaun sekuriti pendeposit pembelian dengan bilangan Sekuriti yang dibeli.
“Peminjam”	Seorang Peserta Penjelasan Perdagangan atau kategori orang lain yang seumpamanya yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan sebagai layak memohon untuk menjadi Peminjam dan yang permohonannya untuk menjadi Peminjam menurut Syarat SBL telah diluluskan oleh Pusat Penjelasan.
“Wakil Pinjaman”	Seorang Peserta Penjelasan Perdagangan atau kategori orang lain yang seumpamanya yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan sebagai layak memohon untuk menjadi Wakil Pinjaman, yang telah diluluskan oleh Pusat Penjelasan untuk melaksanakan fungsi tertentu berkaitan dengan peminjaman Sekuriti oleh Peminjam SBLNT yang Diluluskan.

“Bursa SBL”	Urusniaga pinjaman dan peminjaman Sekuriti yang ditubuhkan dan dikendalikan oleh Pusat Penjelasan bertindak sebagai agensi peminjaman pusat.
“Peserta Bursa SBL”	Peserta Peminjaman, Pemberi Pinjam atau Peminjam atau mana-mana satu atau lebih daripadanya , sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya.
“Sistem Bursa SBL”	Sistem bagi pinjaman dan peminjaman Sekuriti yang dibangunkan dan dikendalikan oleh Pusat Penjelasan bagi menjalankan transaksi berhubung dengan Bursa SBL dan/atau transaksi yang hendak dilaksanakan di bawah Syarat-syarat SBL.
“Transaksi Bursa SBL”	Suatu transaksi pinjamana dan peminjaman Sekuriti dengan Sekuriti yang Layak dipinjam daripada atau dipinjamkan kepada Pusat Penjelasan yang bertindak sebagai agensi peminjaman pusat.
“Transaksi Pembelian”	Berhubung dengan ISS, suatu transaksi, yang menjadi persetujuan bagi pembelian Sekuriti oleh:
	(a) Seorang Peserta Penjelasan yang bertindak sebagai prinsipal; atau
	(b) Seorang Klien,
	melalui seorang Peserta Penjelasan Perdagangan di Bursa sebagai pembeli kepada Kontrak Pasaran.
“Jumlah Penyelesaian Secara Tunai”	Amaun yang diterima oleh Peserta Penjelasan Perdagangan yang membuat pembelian, sebagai ganti bagi penyerahan sekuriti yang relevan, dalam keadaan yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah 5.2B(b), 5.2C dan 5.2D.
“Bank Negara”	Bank Negara Malaysia ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Bank Negara Malaysia 1958.
“Depositori Pusat”	Maksud yang sama sebagaimana yang diberikan bagi ungkapan tersebut dalam Akta.
“CDS”	Sistem Depositori Pusat.
“Fungsi-fungsi Penjelasan dan Penyelesaian”	Fungsi-fungsi Peserta Penjelasan berhubung dengan transaksi penjelasan dan penyelesaian sekuriti.
“Dana Jaminan Penjelasan” atau “CGF”	Dana yang dirujuk dalam Kaedah 6.1.1.
“Pusat Penjelasan”	Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd.
“Akaun Urusniaga Terus Pusat Penjelasan”	(Lihat Kaedah 5.8(a)(v))
“Kemudahan penjelasan”	(a) Suatu kemudahan untuk penjelasan atau penyelesaian bagi transaksi sekuriti yang didagangkan di bursa saham. (b) Suatu kemudahan bagi jaminan penyelesaian transaksi yang disebut dalam perenggan (a); atau

	(c) Apa-apa kemudahan penjelasan atau penyelesaian atau kemudahan kelas penjelasan atau penyelesaian lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Suruhanjaya dengan kelulusan Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan untuk kewangan.
“Peserta Penjelasan”	Peserta Penjelasan Perdagangan atau Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan atau mana-mana satu atau lebih daripadanya, sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya.
“Keistimewaan Penjelasan”	Keistimewaan Peserta-peserta Penjelasan untuk menjelaskan dan menyelesaikan transaksi-transaksi menerusi Pusat Penjelasan sebagaimana yang ditentukan dalam Kaedah-kaedah.
“Klien”	Seseorang yang bagi pihaknya Peserta Penjelasan bertindak berkaitan dengan suatu Transaksi ISS.
“Harga Tutup”	Maksud yang sama sebagaimana yang diberikan bagi ungkapan tersebut dalam Kaedah-kaedah Bursa.
“Kolateral”	Semua atau apa-apa wang dan aset yang diberikan kepada Pusat Penjelasan oleh atau untuk Peserta Penjelasan Perdagangan yang berhubung dengan Margin dan termasuk lebihan Kolateral yang dirujuk dalam Kaedah 5.12.
“Suruhanjaya”	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 (Akta 498).
“Buku Panduan Pelesenan Suruhanjaya”	Buku Panduan Pelesenan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya menurut Seksyen 377 Akta dan termasuklah apa-apa pindaan, ubah suaian, variasi, tambahan atau penggantian seterusnya.
“Tarikh Kontrak”	Hari apabila pesanan untuk menjual atau membeli bagi Transaksi Pada Pasaran dipadankan dalam ATS.
“Caruman”	Jumlah yang dibayar oleh Peserta Penjelasan Perdagangan sebagai caruman kepada Dana Jaminan Penjelasan menurut Kaedah 6.2.1.
“Perbadanan”	Maksud yang sama sebagaimana yang diberikan bagi ungkapan tersebut dalam Akta Syarikat 1965 (Akta 125).
“Orang Ingkar”	Peserta Penjelasan Perdagangan yang tertakluk kepada apa-apa Prosiding Ingkar.
“Prosiding Ingkar”	Apa-apa prosiding atau tindakan lain yang diambil oleh Pusat Penjelasan di bawah Kaedah-kaedah Ingkarnya.
“Kaedah-kaedah Ingkar ”	Kaedah-kaedah yang memperuntukkan penggunaan Prosiding Ingkaroleh Pusat Penjelasan berhubung dengan Kontrak Pasaran atau Transaksi Bursa SBL, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab 4.
“Kaedah-kaedah Depositori”	Kaedah-kaedah Depositori Pusat.
“Sistem Perbandingan Urusniaga Terus”	(Lihat Kaedah 5.8(a)(v))

"Kontrak Urusniaga Terus"	(a) Suatu kontrak bagi penjualan dan pembelian Sekuriti yang didagangkan di pasaran saham Bursa, yang dijalankan di luar ATS menurut Kaedah-kaedah Bursa; atau  (b) Apa-apa transaksi lain dalam Sekuriti yang akan ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa sebagai UrusniagaTerus.
"Pengarah"	[dipotong]
"Dokumen"	Maksud yang sama sebagaimana yang diberikan bagi ungkapan tersebut dalam Akta.
"Sekuriti yang Layak"	Sekuriti-sekuriti yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dalam Pekeliling-pekeliling SBL dari semasa ke semasa sebagaimana yang diluluskan untuk peminjaman atau pinjaman sama ada dalam Transaksi Bursa SBL atau Transaksi Terunding SBL.
"Keadaan Ingkar "	Suatu kejadian atau keadaan yang berlaku yang berhubung dengan Peserta Penjelasan Perdagangan sebagaimana yang dirujuk dalam Kaedah 4.1.
"Bursa"	Apa-apa pertubuhan perbadanan yang diluluskan oleh Menteri di bawah subseksyen (2) bagi seksyen 8 Akta, dengan Pusat Penjelasan menyediakan perkhidmatannya dalam penjelasan dan penyelesaian transaksi sekuriti yang dilaksanakan berdasarkan atau tertakluk pada Kaedah-kaedah Bursa.
"Syarikat Pemegangan Bursa"	Bursa Malaysia Berhad.
"Kaedah-kaedah Bursa"	Kaedah-kaedah yang mengawal selia antara lain, organisasi peserta Bursa.
"Pemadaman ISSBNT"	Pengeluaran ISSBNT daripada Sistem ISSBNT dalam cara dan tertakluk pada syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penyelesaian, dan perkataan "Padam" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.
"Cukai Barang dan Perkhidmatan" atau "GST"	[dipotong]
"Garis Panduan Bank Pelaburan"	Garis Panduan Bank Pelaburan yang dikeluarkan bersama-sama oleh Bank Negara dan Suruhanjaya, termasuklah pindaan, ubah suaihan, variasi, tambahan atau penggantian seterusnya terhadapnya dan apa-apa direktif atau garis panduan sebagaimana yang boleh dikeluarkan di bawahnya.
"ISS"	Perkhidmatan penyelesaian institusi yang disediakan oleh Pusat Penjelasan dan tersedia untuk manfaat Peserta Penjelasan dengan Transaksi ISS dijelaskan dan diselesaikan oleh Pusat Penjelasan.
"Pengakuan ISS"	Suatu input bertulis daripada suatu Peserta Penjelasan dalam bentuk sedemikian sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan dan yang diserahkan kepada Pusat Penjelasan untuk mengarahkan Pusat Penjelasan mengambil tindakan berhubung dengan suatu Transaksi ISS yang melibatkan Peserta Penjelasan tersebut dengan suatu Pengesahan ISS akan atau telah dikeluarkan.

<b>“Pengesahan ISS”</b>	Satu atau lebih input bertulis daripada suatu Peserta Penjelasan dalam bentuk sedemikian sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan dan yang diserahkan kepada Pusat Penjelasan untuk mengarahkan Pusat Penjelasan mengambil tindakan berhubung dengan suatu Transaksi ISS yang melibatkan Peserta Penjelasan tersebut dengan suatu Arahan ISS akan atau telah dikeluarkan dan termasuklah input untuk menyerahkan semula Arahan ISS tersebut kepada Peserta Penjelasan yang lain bagi tujuan penyelesaian Transaksi ISS yang tersebut.
<b>“Arahan ISS”</b>	Suatu input bertulis daripada suatu Peserta Penjelasan dalam bentuk sedemikian sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan dan yang diserahkan kepada Pusat Penjelasan untuk mengarahkan Pusat Penjelasan mengambil tindakan berhubung dengan suatu Transaksi ISS yang melibatkan Peserta Penjelasan tersebut.
<b>“Transaksi ISS”</b>	Suatu Transaksi Pembelian atau Transaksi Penjualan berhubung dengan Peserta Penjelasan Perdagangan dan/atau satu atau lebih Peserta Penjelasan yang telah mengeluarkan Arahan ISS, Pengesahan ISS atau Pengakuan ISS, mengikut mana-mana yang berkaitan, kepada Pusat Penjelasan untuk tujuan penjelasan dan penyelesaian transaksi di bawah ISS.
<b>“Transaksi Terunding IBBNT” atau “ISSBNT”</b>	Suatu transaksi penjualan dan pembelian Sekuriti yang dimulakan antara suatu Pembekal yang Diluluskan dengan suatu Pengguna yang Diluluskan berdasarkan Model IBBNT dan dipermudah oleh Pusat Penjelasan menurut Kaedah-kaedah tersebut.
<b>“Pekeliling IBBNT”</b>	Apa-apa pekeliling, garis panduan, prosedur, terma dan syarat dan semua keperluan bertulis yang lain sebagaimana yang ditetapkan dan dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan, sama ada dalam bentuk elektronik atau tidak, yang berhubung dengan IBBNT.
<b>“Sekuriti IBBNT Yang Layak”</b>	Bahagian Sekuriti yang Layak yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan sebagaimana yang diluluskan untuk IBBNT.
<b>“Model IBBNT”</b>	Model Transaksi Terunding - Penjualan dan Pembelian Sekuriti Islamik semasa, yang diendors oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
<b>“Peserta IBBNT”</b>	Pembekal yang Diluluskan atau Pengguna yang Diluluskan, atau kedua-duanya, sebagaimana dikehendaki oleh konteksnya.
<b>“Peserta/Wakil IBBNT”</b>	Pembekal yang Diluluskan, Pengguna yang Diluluskan, Wakil Pembekal atau Wakil Pengguna, atau mana-mana satu orang atau lebih seorang daripadanya, sebagaimana dikehendaki oleh konteksnya.
<b>“Sekuriti IBBNT”</b>	Sekuriti IBBNT yang Layak yang dijual atau dibeli berhubung dengan suatu IBBNT.
<b>“Sistem IBBNT”</b>	Sistem yang dikendalikan oleh Pusat Penjelasan untuk memudahkan IBBNT.
<b>“Kontrak Serta-merta”</b>	[dipotong]
<b>“Bank Pelaburan”</b>	Sebuah Bank Pelaburan sebagaimana yang dirujuk dalam Garis Panduan Bank Pelaburan.

“Rangka Kecukupan Modal Bank Pelaburan”	Rangka Kerja Kecukupan Modal Bank Pelaburan yang dirujuk dalam Garis Panduan Bank Pelaburan.
“Harga Terakhir”	Maksud yang sama sebagaimana yang diberikan bagi ungkapan tersebut dalam Kaedah-kaedahBursa.
“Peringkat 1 ISSBNT”	Jualan permulaan Sekuriti ISSBNT Yang Layak oleh Pembekal Yang Diluluskan kepada Pengguna Yang Diluluskan menurut Model ISSBNT.
“Peringkat 2 ISSBNT”	Sebarang jualan seterusnya oleh Pengguna Yang Diluluskan kepada Pembekal Yang Diluluskan bagi sekuriti yang serupa atau setara sebagaimana Peringkat 1 bagi ISSBNT yang relevan menurut Model ISSBNT.
“Pemberi Pinjam”	Seorang Peserta Peminjaman, yang menerusi Bursa SBL ada Sekuriti Layak Yang Ditentukan sebagai tersedia untuk peminjaman, dan Sekuriti Layak Yang Ditentukanya telah diluluskan untuk dipinjamkan kepada Pusat Penjelasan menurut Syarat-syarat SBL.
“Ejen Peminjaman”	Seorang Peserta Penjelasan yang telah diluluskan oleh Pusat Penjelasan untuk melaksanakan fungsi tertentu berhubung dengan peminjaman Sekuriti oleh Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam kepada Pusat Penjelasan dalam Transaksi Bursa SBL, sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah ini atau mana-mana direktaif, pekeliling atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan dan yang dilantik sebagai ejen untuk bertindak bagi pihak Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam yang berhubung dengan fungsi ini.
“Peserta Peminjaman”	Seseorang yang diluluskan oleh Pusat Penjelasan sebagai peserta peminjaman dan yang belum menarik balik permohonannya untuk menjadi peserta peminjaman.
“Faedah Peminjaman”	Pemberitahuan yang diserahkan oleh Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam akan niatnya memberikan peminjaman Sekuriti Yang Layak kepada Pusat Penjelasan yang termasuklah, antara lain, yang berikut:
	(a) perihalan dan kuantiti Sekuriti Yang Layak yang ia ingin dipinjamkan; dan
	(b) nombor akaun bagi akaun sekuriti yang daripadanya Sekuriti Yang Dipinjamkan akan didebitkan.
“Wakil Peminjaman”	Peserta Penjelasan Perdagangan, Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan atau kategori orang yang lain yang seumpamanya yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan sebagai layak untuk memohon menjadi Wakil Peminjaman, yang telah diluluskan oleh Pusat Penjelasan untuk melaksanakan fungsi tertentu berhubung dengan peminjaman Sekuriti oleh Pemberi Pinjam SBLNT yang Diluluskan.
“Kehendak-kehendak Penyenaraian”	Kaedah-kaedah yang mengawal penyenaraian Sekuriti dan pengawalseliaan penerbit tersenarai di pasaran-pasaran saham Bursa, dengan transaksi dalam Sekuriti tersebut dijelaskan atau diselesaikan menerusi Pusat Penjelasan.
“Sekuriti Diberi Pinjam”	Sekuriti Yang Layak yang dipinjamkan atau dipinjam.

“Margin”	Amaun yang perlu disediakan oleh Peserta Penjelasan Perdagangan kepada Pusat Penjelasan menurut Kaedah 5.9 untuk menguruskan risiko yang timbul daripada obligasi Peserta Penjelasan Perdagangan berhubung dengan Kontrak yang Dinovasi.
“Hari Pasaran”	Hari apabila kedua-dua Pusat Penjelasan dan Bursa dibuka untuk urusniaga.
“Kontrak-kontrak Pasaran”	(a) Kontrak Yang Dinovasi; atau (b) Kontrak Urusniaga Terus.
“Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan”	Seseorang yang diterima masuk oleh Pusat Penjelasan sebagai Peserta Penjelasan untuk turut serta dalam ISS.
“Kontrak Yang Dinovasi”	Suatu kontrak antara Pusat Penjelasan dengan Peserta Penjelasan Perdagangan yang timbul hasil novasi suatu Transaksi Pada Pasaran yang dirujuk dalam Kaedah 5.1A(a).
“Pegawai”	Maksud yang sama sebagaimana yang diberikan bagi ungkapan tersebut dalam Akta.
“Transaksi Pada Pasaran”	Suatu transaksi dalam Sekuriti yang dimuktamadkan dengan cara: (a) padanan pesanan-pesanan secara automatik yang dimasukkan ke dalam buku pesanan yang diselenggara dalam ATS menurut Kaedah 8.08 Kaedah-kaedah Bursa; atau (b) suatu transaksi yang dimuktamadkan menurut Kaedah 8.14 Kaedah-kaedah Bursa.
“Prosedur Operasi”	Prosedur Operasi Pusat Penjelasan berhubung dengan apa-apa perkhidmatan atau kemudahan Pusat Penjelasan yang mengandungi amalan, prosedur dan kehendak yang berkaitan dengan operasi dan fungsi mana-mana perkhidmatan atau kemudahan seumpamanya bagi Pusat Penjelasan, yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
“Peserta”	Peserta Penjelasan, Peserta/Ejen SBL dan Peserta/Wakil ISSBNT yang bukan Peserta Penjelasan, atau mana-mana satu atau lebih daripadanya, sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya.
“Kontrak Siap Sedia”	Suatu kontrak dengan tarikh dan masa untuk penghantarserahan dan penyelesaian bagi pembelian dan penjualan Sekuriti yang didagangkan di pasaran saham Bursa sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 2 dan 3 Kaedah-kaedah Bursa.
“Rekod”	Maksud yang sama sebagaimana yang diberikan bagi ungkapan tersebut dalam Akta.
“Butiran yang Berkaitan”	Butiran-butiran yang berhubung dengan sesuatu transaksi ISS yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa sebagai mandatori, yang pelaporannya dalam Arahan ISS, Pengesahan ISS atau Pengakuan ISS, mengikut mana-mana yang berkenaan, diperlukan untuk tujuan penjelasan dan penyelesaian transaksi ISS tersebut.
“Pemegang jawatan yang berkaitan”	(a) Ketua Pengarah Insolvensi yang dilantik di bawah seksyen 70 Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360];

	<ul style="list-style-type: none"> <li>(b) Mana-mana orang yang bertindak, berhubung dengan suatu syarikat sebagai pelikuidasi, pelikuidasi sementara, penerima atau pengurusnya;</li> <li>(c) Mana-mana orang yang bertindak berhubung dengan seorang individu sebagai pemegang amanahnya dalam kebankrutan atau penerima interim hartanya;</li> <li>(d) Mana-mana orang yang dilantik menurut suatu perintah bagi pentadbiran dalam kebankrutan sesuatu harta tidak solven seseorang yang mati; atau</li> <li>(e) Seorang Pentadbir Khas yang dilantik di bawah Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 [Akta 587].</li> </ul>
“Kaedah-kaedah”	Maksud yang sama sebagaimana yang diberikan bagi ungkapan tersebut dalam Akta, yang berhubung dengan Pusat Penjelasan.
“Pekeliling-pekeliling SBL”	Apa-apa pekeliling, garis panduan, prosedur, terma dan syarat dan semua kehendak bertulis yang lain sebagaimana yang ditetapkan dan dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Pusat Penjelasan, sama ada secara elektronik atau tidak, yang berhubung dengan Transaksi Bursa SBL, Transaksi Terunding SBL, Syarat-syarat SBL atau transaksi yang dijangkakan di bawah Syarat-syarat SBL.
“Syarat-syarat SBL”	Permohonan yang ditetapkan untuk diluluskan sebagai Peserta Peminjaman bersama-sama dengan Bursa SBL (Terma dan Syarat bagi Peserta Peminjaman dan Pemberi Pinjam), atau permohonan yang ditetapkan untuk diluluskan sebagai Peminjam bersama-sama dengan Bursa SBL (Terma dan Syarat bagi Peminjam), secara individu atau bersama sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya, sebagaimana yang dipinda, diubah suai atau divariasi dari semasa ke semasa, dan hendaklah termasuk Pekeliling-pekeliling SBL yang berkuat kuasa pada masa tersebut.
“Transaksi Terunding SBL atau SBLNT”	Suatu transaksi pinjaman dan peminjaman yang dilakukan antara Pemberi Pinjam SBLNT Yang Diluluskan dengan Peminjam SBLNT Yang Diluluskan, di mana pihak-pihak boleh berunding dan bersetuju dengan terma transaksi dan transaksi dikendalikan oleh Pusat Penjelasan menurut Kaedah-kaedah tersebut.
“Peserta/Ejen SBL”	Peserta Peminjaman, Pemberi Pinjam, Peminjam, Pemberi Pinjam SBLNT Yang Diluluskan, Peminjam SBLNT Yang Diluluskan, Ejen Peminjaman, Wakil Peminjaman atau Wakil Pinjaman, atau mana-mana satu atau lebih daripadanya, sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya.
“Peserta SBLNT”	Pemberi Pinjam SBLNT Yang Diluluskan atau Peminjam SBLNT Yang Diluluskan, atau kedua-duanya sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya.
“Peserta/Wakil SBL”	Pemberi Pinjam SBLNT Yang Diluluskan, Peminjam SBLNT Yang Diluluskan, Wakil Peminjaman atau Wakil Pinjaman atau mana-mana satu atau lebih daripadanya, sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya.
“Sistem SBLNT”	Sistem yang dikendalikan oleh Pusat Penjelasan untuk memudahkan Transaksi Terunding SBL.
“Masa Penyelesaian Kewangan Terjadual”	Masa penyelesaian kewangan terjadual yang dirujuk dalam Kaedah 5.3(h).

<b>“Transaksi Penjualan”</b>	Berhubung dengan ISS, suatu transaksi, yang menjadi persetujuan bagi penjualan Sekuriti oleh:
	(a) Seorang Peserta Penjelasan yang bertindak sebagai prinsipal, atau
	(b) Seorang Klien,
	melalui Peserta Penjelasan Perdagangan di Bursa sebagai penjual untuk suatu Kontrak Pasaran.
<b>“Sekuriti”</b>	Maksud yang sama sebagaimana yang diberikan bagi ungkapan tersebut dalam Akta.
<b>“Penyedia Perkhidmatan”</b>	Entiti dalam kumpulan atau suatu entiti luaran, dan kepadanya Peserta Penjelasan menyumberluarkan Fungsi Penjelasan dan Penyelesaian dan termasuk mana-mana penyedia perkhidmatan seterusnya, yang kepadanya penyedia perkhidmatan permulaan atau mana-mana penyedia perkhidmatan seterusnya telah selanjutnya mengikat kontrak Fungsi Penjelasan dan Penyelesaian tersebut.
<b>“Sekuriti Layak yang Ditentukan”</b>	Sekuriti layak yang ditentukan oleh Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam menerusi Sistem Bursa SBL yang tersedia untuk peminjaman kepada Pusat Penjelasan sebagaimana yang dikemas kini dari semasa ke semasa menerusi Sistem Bursa SBL;
<b>“Wakil Pembekal”</b>	Seseorang yang diluluskan oleh Pusat Penjelasan untuk melaksanakan fungsi tertentu berkaitan dengan penjualan Sekuriti oleh Pembekal Yang Diluluskan dalam ISSBNT.
<b>“Tik”</b>	Perubahan minimum yang dibenarkan dalam harga bida untuk belian paksa Sekuriti, yang dirujuk dalam Kaedah 5.2A sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 5-1.
<b>“Kaedah-kaedah Ini” atau “Kaedah-kaedah”</b>	Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan.
<b>“Baki Boleh Dagang”</b>	(a) Sekuriti yang ditanda “bebas” dalam akaun sekuriti yang berkaitan; atau (b) Sekuriti yang genap masa untuk diserahkan kepada akaun sekuriti yang berkaitan menurut kontrak pembelian yang belum dijelaskan. Suatu kontrak pembelian yang belum dijelaskan bermaksud suatu kontrak pembelian yang dilaksanakan oleh TCP jualan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kaedah 5.2A(a), bagi akaun sekuriti yang sama sebelum penjualan yang dirujuk dalam Kaedah 5.2A(a), dan Sekuriti dalam kontrak pembelian belum diserahkan kepada akaun sekuriti sedemikian.
<b>“Peserta Penjelasan Perdagangan”</b>	Seseorang yang menjadi Peserta Bursa dan diterima masuk oleh Pusat Penjelasan sebagai Peserta Penjelasan untuk turut serta dalam satu atau lebih perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan.
<b>“Wakil Pengguna”</b>	Seseorang yang diluluskan oleh Pusat Penjelasan untuk melaksanakan fungsi tertentu berhubung dengan pembelian Sekuriti oleh Pengguna yang Diluluskan dalam suatu ISSBNT.

Melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam dokumen ini perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Kaedah-kaedah ini hendaklah mempunyai maksud yang sama sebagaimana diberikan kepadanya di bawah Akta sekiranya terpakai.

Perkataan-perkataan yang membawa maksud tunggal adalah termasuk yang membawa maksud jamak dan begitu juga sebaliknya.

Perkataan-perkataan yang membawa maksud jantina lelaki sahaja adalah termasuk jantina perempuan atau neuter.

Rujukan kepada statut adalah kepada statut tersebut yang diubah suai, digubal semula atau digabungkan dan termasuklah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau instrumen-instrumen perundangan lain yang dibuat di bawah statut tersebut.